

1. Perselisihan faham antara Liza dengan Ira menyebabkan hubungan mereka menjadi _____.

- ☐ A renggang
- ☐ B mundur
- ☐ C longgar
- ☐ D jauh

2. Pak Said berasa _____ apabila menceritakan kisah _____ yang menyedihkan itu kepada wartawan.

- ☐ A hambar ... lampau
- ☐ B geram ... baharu
- ☐ C benci ... lama
- ☐ D hiba ... silam

3. Pergerakan Adnan dalam pertandingan silat itu amat _____ kerana dia mahir dalam seni silat itu.

- ☐ A teliti
- ☐ B cergas
- ☐ C tangkas
- ☐ D kencang

4. Karangan yang ditulisnya itu agak _____ dari segi tatabahasa dan tidak mengikut format yang ditetapkan.

- ☐ A lesu
- ☐ B lemah
- ☐ C lembik
- ☐ D longlai

5. Pemilik restoran itu terpaksa menanggung kerugian kerana pekerjaanya bersikap _____ ketika merekod pembelian stok daripada pembekal.

- ☐ A cuai
- ☐ B lemah
- ☐ C lembik
- ☐ D tangkas

6. Dunia semakin moden tetapi masih terdapat segelintir orang tua di kampung itu yang mengamalkan kepercayaan _____.

- ☐ A antik
- ☐ B karut
- ☐ C klasik
- ☐ D usang

7. Ibu _____ kerana abang masih belum pulang-pulang walaupun hari sudah lewat malam.

- ☐ A pedih
- ☐ B runsing
- ☐ C gempar
- ☐ D murung

8. Puan Adlina mengisar bawang dan cili kering itu sehingga _____ sebelum menu _____ ia untuk dibuat sambal.

☐ A larut
☐ B lebur
☐ C lumat
☐ D lembut

9. Maslana memetik sekuntum bunga yang sedang _____ di halaman rumahnya lalu diselitkan ke rambutnya.

☐ A mekar
☐ B ranum
☐ C harum
☐ D matang

10. Tapak tangannya menjadi _____ kerana dia sering melakukan kerja-kerja berat di kawasan pembinaan itu.

☐ A kalis
☐ B keras
☐ C kasar
☐ D kering

11. Kejayaan projek itu ialah hasil buah fikiran yang _____ yang diutarakan oleh ketua pengarah syarikat.

☐ A baik
☐ B elok
☐ C bernas
☐ D cemerlang

12. Sikap abang yang _____ apabila memandu kereta itu dipuji oleh ayah.

☐ A cermat
☐ B bijak
☐ C baik
☐ D teliti

13. "Kerepek ubi yang _____ memang enak dimakan," kata peniaga kerepek itu kepada kakak.

☐ A rapuh
☐ B empuk
☐ C lembut
☐ D rangup

14. Bantal itu berbau _____ kerana sudah lama tersimpan di dalam almari.

☐ A hanyir
☐ B hapak
☐ C hangit
☐ D hancing

15. Masa yang diberikan agak _____ tetapi para peserta pertandingan mengubah b _____ itu dapat menyiapkan gubahan mereka dengan menarik sekali.

- ☐ A ringkas
- ☐ B segera
- ☐ C suntuk
- ☐ D cepat

16. Para penumpang dapat menikmati kemudahan yang _____ apabila menaiki LRT.

- ☐ A indah
- ☐ B mahal
- ☐ C selesa
- ☐ D lapang

17. Masalah sampah sarap yang bertaburan di bandar raya ini _____ diatasi sekiranya orang ramai tidak memberikan kerjasama.

- ☐ A berat
- ☐ B sukar
- ☐ C leceh
- ☐ D renyah

18. Harga bateri lampu suluh itu agak mahal kerana bateri tersebut _____ lama.

- ☐ A lasak
- ☐ B tahan
- ☐ C teguh
- ☐ D kukuh

19. Suara penyanyi cilik yang _____ itu berjaya memukau penonton dengan nyanyiannya.

- ☐ A parau
- ☐ B garau
- ☐ C merdu
- ☐ D sumbang

20. Guru disiplin itu digeruni oleh murid-murid yang nakal kerana wajahnya yang _____.

- ☐ A kasar
- ☐ B bengis
- ☐ C angkuh
- ☐ D tampan